



EDISI APRIL 2025

BULETIN PETALING JAYA

Sambutan Hari

**KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN SEDUNIA 2025
SINERGI MSOSH BERSAMA MBPJ CATAT
*MALAYSIA BOOK OF RECORDS***

MALAYSIA BOOK OF RECORD

(MEMORANDUM)



IMBAS KOD QR UNTUK AKSES
BERITA PETALING JAYA
DALAM TALIAN



• KESINAMBUNGAN PENGUATKUASAAN PJ WATCH
M/S 9



**MALAYSIA
MADANI**



**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**

KITASELANGOR



**EDISI
PERCUMA**

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

[Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)

[pjcitycouncil](#)

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
TABUNG SELANGOR PRIHATIN	3-4
PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PROSES PEMBANGUNAN DI PETALING JAYA	5
OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ	6-7
PEMBERIAN SUMBANGAN GERAN PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ) BAGI TAHUN 2025	8-9
STRATA MANAGEMENT EXPERT COURSE (SMEC)	10-11
SAMBUTAN HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SEDUNIA 2025 SINERGI MSOSH BERSAMA MBPJ CATAT MALAYSIA BOOK OF RECORDS	12-13
KESINAMBUNGAN PENGUATKUASAAN PJ WATCH DI KAWASAN PETALING JAYA	14-15
AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MBPJ APRIL	16-23

SIDANG REDAKSI

 www.mbpj.gov.my
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](#)

PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon

PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN

Muhammed Azmi bin Yusoff
Nor Sarina binti Lamak
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar
Abdul Manaf bin Zakaria
Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA**

**Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

 : media@mbpj.gov.my





KITASELANGOR

TABUNG SELANGOR PRIHATIN

PETALING JAYA, 4 APRIL-

Pada 1 April 2025 bersamaan dengan 2 Syawal yang lalu, negara telah dikejutkan dengan insiden kebakaran besar yang berlaku akibat daripada kebocoran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya. Kebakaran tersebut telah memusnahkan banyak harta benda termasuk rumah kediaman

dan kenderaan serta menjejaskan beratus orang mangsa.

Sebagai manifestasi keprihatinan dan solidariti terhadap mangsa kebakaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyumbangkan sebanyak RM 31,832.00 kepada Tabung Selangor Prihatin.

Sumbangan tersebut diperolehi daripada peruntukan MBPJ, sumbangan Ahli-ahli Majlis dan warga kerja MBPJ serta orang awam. Semoga dengan sumbangan yang disalurkan ini dapat meringankan serba sedikit musibah yang dihadapi oleh mangsa kebakaran.



Tabung Selangor Prihatin

Bantuan Penduduk Putra Heights



CIMB Bank : 8604747531



Nama Akaun Bank:
Bendahari Negeri Selangor

Rujukan:
Putra Heights



PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PROSES PEMBANGUNAN DI PETALING JAYA

JALAN YONG SHOOK LIN,
7 APRIL - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menjalankan fungsinya sebagai sebuah badan utama dalam usaha pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan kes rasuah dan telah mencapai tahap maksimum. Justeru, antara langkah seterusnya ialah memberikan lebih fokus kepada aspek *good governance* oleh semua agensi kerajaan. Ini adalah kerana, *Corruption Perception Index (CPI)* bukan semata-mata tentang rasuah malah ia mencakupi hal berkaitan *good governance* dan aspek ini dilihat masih belum digerakkan sepenuhnya.

Pada 3 Oktober 2024 yang lalu, satu Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index*) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan. Tujuan utama pasukan petugas tersebut adalah untuk meningkatkan skor dan kedudukan Malaysia dalam senarai

indeks itu dan melonjak kedudukan negara di tangga ke-25 teratas dunia dalam tempoh 10 tahun seperti yang disasarkan oleh YAB Perdana Menteri. Untuk makluman bersama, kedudukan CPI negara pada tahun 2024 adalah di tempat ke-50.

Antara fungsi pasukan berkenaan adalah mencadangkan penambahbaikan dasar kerajaan serta meneliti langkah bagi mempercepat reformasi sektor awam. Ini secara langsung dapat meningkatkan lagi keyakinan pihak berkepentingan termasuk pelabur dan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam memperkasakan tatakelola dalam perkhidmatan awam bagi memastikan perkhidmatan yang adil, telus dan bertanggungjawab kepada rakyat. Sebanyak enam bidang yang perlu diberi keutamaan iaitu penguatkuasaan, pengurusan dana awam, daya saing perniagaan, risiko pelaburan, perundangan dan komunikasi strategik.

Di bawah Kumpulan Fokus Daya Saing Perniagaan yang diterajui oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC), MBPJ telah dikenal pasti sebagai salah satu Inisiatif Mempercepatkan Pembangunan Mampan di Petaling Jaya.

Berdasarkan aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pintar dan mampan, MPC memilih MBPJ sebagai pilot projek perintis untuk penambahbaikan bagi proses kelulusan pembangunan terutamanya berkaitan permit dan lesen yang merangkumi keseluruhan rantaian daripada peringkat Kebenaran Merancang (KM) sehingga ke permulaan operasi perniagaan.

MBPJ akan berkolaborasi dengan MPC dalam menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang produktif, moden serta mesra pelabur selari dengan aspirasi pertumbuhan mampan dan daya saing.



OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

SEKSYEN 14, 18 APRIL - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah meneruskan kolaborasi bersama agensi-agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan efisien. Objektif kolaborasi ini adalah bagi memastikan tindakan dilaksanakan ke atas skop seperti berikut :

- a) Tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti / premis tanpa lesen.
- b) Tindakan penguatkuasaan ke atas premis yang dikendalikan oleh warga asing dan yang menggajikan warga asing tanpa kebenaran.
- c) Menilai tahap kepatuhan pemilik-pemilik perniagaan kepada syarat dan garis panduan MBPJ.
- d) Memastikan aspek kesihatan dan kebersihan dititikberatkan oleh pemilik-pemilik perniagaan.
- e) Lain-lain kesalahan dibawah Akta, Enakmen dan Undang-undang Kecil diguna pakai.

Sepanjang April 2025, operasi bersepadu diteruskan oleh pihak MBPJ bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Selangor. Hasil operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) 11 semakan premis / aktiviti.
- b) 27 penahanan warga asing.
- c) 5 tindakan sitaan aktiviti tanpa lesen.
- d) 1 penutupan premis perniagaan.

Secara kumulatif, berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi rakan strategik yang telah dilaksanakan pada tahun 2025 (sehingga April 2025):

- a) 5 siri operasi bersepadu bersama JIM dan PDRM.
- b) 84 semakan premis / aktiviti.
- c) 30 tindakan sitaan aktiviti tanpa lesen.
- d) 242 penahanan warga asing oleh JIM.
- e) 4 tindakan kompaun.
- f) 7 tindakan penutupan premis.



Majlis juga memohon agar semua pihak sentiasa mematuhi peraturan perundangan ditetapkan bagi memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan sentiasa menjamin kesihatan serta keselamatan awam.





PEMBERIAN SUMBANGAN GERAN

PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ) BAGI TAHUN 2025

KELANA JAYA, 27 APRIL - Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang berteraskan konsep penglibatan awam/komuniti (public engagement) merupakan inisiatif strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk memperkukuhkan Pelan Induk Keselamatan PJ. Program ini juga telah menonjolkan imej MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin terhadap isu keselamatan penduduk setempat dan komited dalam mewujudkan bandar raya yang selamat serta mampan.

Pada tahun 2024, Majlis telah memberi sumbangan peruntukan sebanyak RM 3,000.00 kepada 138 permohonan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya yang terbahagi kepada 70 persatuan penduduk (RA), 38 rukun tetangga (RT), 28 badan pengurusan bersama (JMB) dan 2 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Inisiatif yang dilaksanakan di bawah program Bandar Selamat ini telah memberikan impak yang sangat positif, termasuk peningkatan penglibatan penduduk dalam aktiviti keselamatan kejiranan, peningkatan bilangan rondaan keselamatan yang dijalankan, peningkatan kesedaran keselamatan kejiranan dalam kalangan penduduk, serta pengukuhan peranan kumpulan sasar seperti RA, RT, JMB, dan MPKK dalam memastikan keselamatan komuniti. Keberkesanan program ini dapat dilihat melalui pemantauan dan laporan yang diterima serta telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Langkah proaktif ini telah mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan jaringan di antara komuniti di Petaling Jaya.

Bagi memperkukuh lagi pelaksanaan program PKKPJ pada tahun 2025,

MBPJ memperuntukkan sebanyak RM 520,000.00 untuk disalurkan kepada RA, RT, JMB, dan MPKK yang memenuhi kriteria ditetapkan. Peruntukan ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1), yang merupakan teras utama dalam mencapai visi Petaling Jaya *Smart, Sustainable & Resilient 2030* (PJSSR2030).

Sehubungan itu, MBPJ mempelawa dan mengalu-alukan penyertaan semua organisasi komuniti yang berkecenderungan untuk memohon di pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my> dalam bersama-sama menjayakan agenda keselamatan dan kemampanan bandar raya. Marilah kita membina komuniti yang lebih selamat, mampan, dan berdaya tahan untuk Petaling Jaya.

PELAWAAN PERMOHONAN	PROSES SEMAKAN DAN KELULUSAN	PROSES BAYARAN /MAJLIS SUMBANGAN
24 April 2025 hingga 23 Mei 2025	24 Mei 2025 hingga 23 Jun 2025 *Ahli Majlis & PDRM	Jun 2025 (Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya)





PELAWAAN PERMOHONAN

PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ) 2025

PERMOHONAN PKKPJ 2025
DIBUKA SEMULA SECARA TERHAD.



Bermula

15 OGOS 2025

Sehingga

25 OGOS 2025

TERBUKA KEPADA

Persatuan Penduduk (RA)
Rukun Tetangga (RT)
Badan Pengurusan
Bersama (JMB)
Majlis Pengurusan
Komuniti Kampung
(MPKK)

Permohonan Terbuka
Kepada Yang Memenuhi Kriteria

Mohon Sekarang

Maklumat lanjut sila layari

<http://pkkpj.mbpj.gov.my>



Atau
Imbas
Kod QR



Urus setia PKKPJ

En. Kamarul / En. Syamir / Pn. Nadzirah
03-79588085 samb. 115 / 116



SAFE AND
RESILIENT CITY

STRATA MANAGEMENT EXPERT COURSE (SMEC)

SEKSYEN 8, 28 APRIL - Dalam meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata, Majlis melalui Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) komited meneruskan program pendidikan pada tahun ini kepada jawatankuasa JMB / MC melalui penganjuran *Strata Management Expert Course (SMEC)* Siri 1/2025.

Kursus yang telah diadakan selama 3 hari pada 25 hingga 27 April 2025 ini telah disertai 30 orang peserta terdiri daripada anggota jawatankuasa JMB / MC sedia ada dan yang baru dilantik dari skim

pemajuan kos rendah dan sederhana telah menyertai kursus ini.

Kursus ini bertujuan membantu meningkatkan kefahaman peserta dalam pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata berlandaskan undang-undang.

Selain itu, kursus ini turut membimbing peserta agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan tatakelola yang lebih baik bagi memastikan bangunan dan harta bersama dapat diuruskan dan dikawal selia dengan lebih teratur dan bersistematik serta

menggalakkan penglibatan anggota jawatankuasa yang mempunyai daya keyakinan diri yang kurang melalui pembelajaran secara langsung dalam kumpulan yang kecil.

Majlis berharap penganjuran kursus ini dapat meningkatkan tadbir urus yang lebih baik, cekap, bersistematik dan berintegriti berpandukan peruntukan undang-undang supaya pengurusan bangunan berstrata dapat berjalan dengan teratur dan kemas bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan lestari.





Sambutan Hari KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SEDUNIA 2025 SINERGI MSOSH BERSAMA MBPJ CATAT MALAYSIA BOOK OF RECORDS

SEKSYEN 52, 27 APRIL- Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2025 bertempat di Dewan Sivik MBPJ.

Bertemakan "Merevolusikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Peranan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pendigitalan di Tempat Kerja", sambutan ini menekankan kepentingan adaptasi teknologi dalam memperkasa keselamatan di tempat kerja, selari dengan dasar negara seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Dasar AI Negara.

Acara ini turut mencipta sejarah apabila berjaya mencatat *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi kategori "The Largest Participation in OSH Exercise in Malaysia", sekali gus memperlihatkan sinergi erat antara sektor kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti dalam membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Mengambil iktibar kejadian kemalangan yang berlaku melibatkan projek di kawasan pihak berkuasa tempatan, saya melihat ini adalah platform yang sesuai dalam meletakkan Majlis pada landasan yang betul terhadap pemerkasaan OSHE dalam semua proses kerja Majlis dan projek pembangunan.

Mengambil kira teguran dan aduan melibatkan projek Majlis, Majlis telah mengarahkan kepada semua warga kerja yang menyelia projek untuk memastikan keselamatan di kesemua tapak bina seliaan Majlis sentiasa berada di tahap keselamatan yang tinggi dengan mengambil kira pelbagai faktor keselamatan di tapak.

Pemantauan keselamatan projek Majlis juga akan dipantau dan diperiksa oleh Unit OSHE bagi pematuhan di tapak. Saya juga ingin menyarankan kepada kesemua Ahli Majlis atau orang awam yang mempunyai aduan melibatkan keselamatan projek seliaan Majlis untuk tampil memberikan maklumat atau aduan sekiranya berlaku ketidakpatuhan di tapak.



MBPJ komited untuk terus memperkasa budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke arah membentuk persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan mampan untuk semua. Untuk makluman semua, penggunaan Sistem Passport Keselamatan Kontraktor atau induksi OSHE, bagi tahun 2025 sehingga 10 April sebanyak 68 individu telah melalui induksi ini.

Pada 7 Mei 2025, Majlis akan didatangi oleh panel penilai Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NSOSH) bagi tujuan pengauditan fasa pertama. Pentingnya penilaian ini adalah bagi memastikan MBPJ sentiasa mengamalkan etika kerja yang terbaik dalam penyampaian perkhidmatan tanpa mengabaikan keselamatan dan kesihatan orang awam.





KESINAMBUNGAN PENGUATKUASAAN

PJ WATCH

DI KAWASAN PETALING JAYA

JALAN TENGAH, 30 APRIL -

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus memperhebat usaha-usaha menangani isu pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya menerusi penguatkuasaan Program *PJ Watch*.

Kaedah Penguatkuasaan Program *PJ Watch* sentiasa diperkasakan melalui pemantauan statik dan rondaan berkala oleh anggota penguatkuasa yang berpakaian secara preman serta disokong dengan pemantauan CCTV bergerak di lokasi-lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram. Sehingga 28 April 2025, maklumat dan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyeru agar semua pihak bekerjasama dan bertanggungjawab dalam menjaga persekitaran agar sentiasa bersih dan selamat demi kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Jumlah Lokasi <i>Hotspot</i> Sampah Haram	43 Lokasi
2.	Jumlah <i>Hotspot</i> Yang Dilengkapi CCTV Bergerak	12 Lokasi
3.	Jumlah Penemuan Kes Sampah Haram Melalui CCTV	19 Individu
		17 Buah Kenderaan
		3 Premis Syarikat
4.	Jumlah Kompaun Di Bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007	149
5.	Jumlah Tangkapan	23 Orang
		4 Buah Kenderaan
		32 Premis Syarikat
6.	Hebahan	10 Hebahan (Media Sosial)
		1 Hebahan (The Star)



PJ WATCH



ANDA SEDANG DIPERHATIKAN

DENDA MAKSIMUM
RM 1,000.00

Sekiranya Anda Terlihat
Aktiviti Salah Laku
Pembuangan Sampah
lapor kepada:



Hot Line MBPJ 24/7

03-7954 2020



TERIMA KASIH

Kerana Menjaga Alam Sekitar Anda

Aktiviti-aktiviti

*Ahli
Majlis
MBPJ*

APRIL

MALAM BERTEMU PENDUDUK MPP ZON 6

• 8 & 22 APRIL 2025, BALAI RAYA TAMERA, SS 24/1



PROGRAM KENDURI MUDA-MUDI RAYA 2025

• 11 APRIL 2025, PJS 2C



SAMBUTAN AIDILFITRI PPDK KANAGAPURAM BERSAMA MPP ZON 15 • 13 APRIL 2025, JALAN SELANGOR



RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI DUN KAMPUNG TUNKU 2025 • 19 APRIL 2025, TAMAN AMAN



PROGRAM HARI RAYA AIDILFITRI KONDO TIARA, KRT LENGKOK GOLF DAN KONDO D'PUTRA 2025 • 19 APRIL 2025, KELANA JAYA



AGIHAN "FOOD BANK" BERSAMA PERTUBUHAN SINAR AMAL UMMAH • 19 APRIL 2025, DEWAN PJS 2C/6



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DUN BANDAR UTAMA 2025 • 19 APRIL 2025, BANDAR UTAMA



PROGRAM SILANG BUDAYA KITA MALAYSIA: SENI KRAFTANGAN MAH MERI • 20 APRIL 2025, BALAI RAYA TAMERA, SS 24/1



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 • 20 APRIL 2025, SS 5A



PROGRAM TAHUN BARU KAUM INDIA 2025 • 20 APRIL 2025, PJS 1



PROGRAM WANITA BERDAYA "MENEROKA DUNIA JAGUNG" • 23 APRIL 2025, SERDANG



PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PIBG SK KELANA JAYA (2) • 26 APRIL 2025, KELANA JAYA



SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SISPAA

🌐 <https://mbpj.spab.gov.my>

HOTLINE ADUAN

☎ 03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA

☎ 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

DATANG SENDIRI / KAUNTER

👤 Seksyen Aduan Awam,
Tingkat Bawah,
Bangunan Annex MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



SILA IMBAS
KOD QR INI
UNTUK KE
LAMAM WEB
SISPAA MBPJ

APLIKASI
TELEFON PINTAR



Respons
Rakyat



ANDROID



iOS



DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ